

Reply to: MNS Kuching Branch

P O BOX A144 Kenyalang Park, 93824 Kuching Sarawak Malaysia

Email: mnskuching@gmail.com

Tel: +6 016 890 9468, Fax: 082 425 300

Media Release – Siaran Media

23 September 2021

Kawasan tanah lembap Sarawak adalah habitat penting untuk burung migrasi yang terancam di Asia

KUCHING: Para penyelidik burung persisir pantai menggesa pihak kerajaan Sarawak untuk melindungi kawasan Teluk Bako-Buntal (BBB) dan beberapa kawasan di Sejingkat kerana kawasan tersebut merupakan habitat air pasang tinggi yang penting untuk burung pantai yang bermigrasi.

Kawasan tersebut merupakan sebahagian daripada laluan *East Asian-Australasian* yang merupakan salah satu laluan penting di dunia bagi burung bermigrasi. Kawasan tersebut juga merupakan satu-satunya kawasan rangkaian laluan (*Flyway Network Site*) di Malaysia.

Kiraan burung atau tinjauan tahunan yang telah dilakukan oleh pihak *Malaysian Nature Society Kuching Branch* (MNSKB¹) selama beberapa tahun telah menunjukkan terdapat peningkatan jumlah burung pantai, lebih-lebih lagi spesies yang terancam iaitu Kedidi Timur *Numenius madagascariensis* (EN) dan Kedidi Dian Besar *Calidris tenuirostris* (EN). Selain itu, terdapat dua lagi spesies terancam yang boleh ditemui di kawasan tersebut iaitu Kedidi Kaki Hijau *Tringa guttifer* (EN), dan Bangau Cina *Egret eulophotes* (VU).

Kesemua burung tersebut dikategorikan sebagai Terancam atau *Endangered* (EN) dibawah *International Union for Conservation of Nature* (IUCN), manakala Bangau Cina pula disenaraikan sebagai Lemah Ancaman, *Vulnerable* (VU).

Pengerusi MNSKB, Rose Au berkata bahawa pihak MNSKB telah melakukan kiraan burung setiap tahun sejak tahun 2005. Kini, MNSKB amatlah berbangga kerana terlibat bersama dalam penerbitan manuskrip penyelidikan di jurnal penyelidikan bertaraf antarabangsa iaitu '*Wader Study*' yang bertajuk, '*Long-term count data demonstrate the regional significance of Bako-Buntal Bay, Malaysian Borneo, for wintering shorebird conservation*'.

'*Wader Study*' merupakan forum yang masyur untuk berita, notis, kemajuan dalam teknik penyelidikan, laporan ekspedisi serta komen dan perbincangan yang berkaitan dengan pemuliharaan serta penyelidikan burung pantai.

Awards received:



3G GLOBAL GOOD
GOVERNANCE 2019



THE BRAND LAUREATE
CSR BRAND LEADERSHIP
AWARD 2018



MERDEKA
AWARD
ANUGERAH
MERDEKA
2008



UNEP
GLOBAL 500 AWARD



BIRD LIFE
INTERNATIONAL
PARTNERSHIP AWARD
2008

MEMBERS :





KUCHING BRANCH

PERSATUAN PENCINTA ALAM MALAYSIA CAWANGAN KUCHING

Malaysian Nature Society Kuching Branch

(Society No. PPM -006-14-17101951-000010)



Naib pengerusi cawangan MNSKB yang dilantik baru-baru ini, Batrisyia Teepol telah memimpin penulisan manuskrip tersebut dengan sokongan daripada pihak Dr. Yong Ding Li, *Flyways Coordinator* di *BirdLife International (Asia Secretariat)* serta ahli cawangan MNSKB, Daniel Kong, Ng Jia Jie, Jason Teo Jia Hong dan Rose Au sendiri.

Pada tahun 2018, Batrisyia telah menerima dana khas daripada *Conservation Leadership Programme*² dan menggunakan dana serta peluang tersebut untuk memahami kepentingan Teluk Bako-Buntal bagi burung pantai bermigrasi dan juga untuk memperbaiki pengurusan Teluk Bako-Buntal, di samping menggalakkan pengiktirafan kawasan tersebut sebagai kawasan penting bagi burung bermigrasi. Kawasan kajian tersebut juga merangkumi kolam buatan manusia di Sejingkat.

Selain daripada kerja lapangan beserta sokongan daripada ahli cawangan MNSKB, beliau juga telah mengumpul data yang diperolehi daripada *Asian Waterbird Census (AWC) Malaysia* setiap tahun bermula dari tahun 2005. Di Sarawak, kiraan AWC telah dikendalikan setiap tahun melalui sains khalayak (*Citizen Science*) daripada MNS cawangan Kuching dan Miri. Kiraan burung air AWC kebiasaannya adalah berasaskan tinjauan di tanah dan berjalan kaki, selain penggunaan teleskop dan teropong.

Batrisyia juga berkata bahawa kajian tersebut menunjukkan pentingnya diberikan perlindungan terhadap laluan pantai disepanjang Sejingkat dan Teluk Bako-Buntal. "Kita haruslah memastikan terdapat kawasan yang tersedia untuk burung bermigrasi mencari makanan dan berehat," tambahnya lagi.

"Kita perlu mengatur dan meneruskan penglibatan bersama dengan pihak pemegang taruh tempatan bermula dengan sektor swasta sehinggalah komuniti tempatan untuk menubuhkan pelan jangka panjang dalam pengurusan kawasan tersebut." "Pada masa yang sama, kita juga haruslah menjalinkan kerjasama dengan negara lain dimana burung ini kebiasaannya membiak atau yang digelar sebagai usaha '*sister-site twinning*', untuk meningkatkan keupayaan pemuliharaan burung bermigrasi," jelasnya lagi.

Batrisyia juga berkata bahawa di Borneo, Teluk Bako-Buntal merupakan kawasan tanah lembap pantai yang paling banyak dikaji. Namun begitu, masih banyak lagi yang tidak diketahui tentang arah aliran burung bermigrasi musim sejuk, atau jumlah burung pantai sewaktu perubahan dalam musim.

MNSKB mula berjinak dalam pemerhatian burung pantai pada lewat tahun 1990-an di sepanjang teluk tersebut sebagai salah satu aktiviti rekreasi bagi ahli MNSKB. Sejak itu, setelah minat mula dipupuk dan kesedaran tentang kepentingan kawasan tersebut lebih difahami, MNSKB mula melakukan kiraan tahunan dan mendokumentasikan burung-burung yang berhijrah.

Awards received:



3G GLOBAL GOOD GOVERNANCE AWARD 2019



THE BRANDALURE CSR BRAND LEADERSHIP AWARD 2018



MERDEKA AWARD ANUGERAH MERDEKA 2008



UNEP GLOBAL 500 AWARD



BIRD LIFE INTERNATIONAL PARTNERSHIP AWARD 2008

MEMBERS :



BIRD LIFE INTERNATIONAL PARTNER



CAN CLIMATE ACTION NETWORK INTERNATIONAL



FSC



IUCN



KUCHING BRANCH

PERSATUAN PENCINTA ALAM MALAYSIA CAWANGAN KUCHING

Malaysian Nature Society Kuching Branch

(Society No. PPM -006-14-17101951-000010)



Melalui data yang telah dikumpul, beliau sedar bahawa jumlah kiraan spesis terancam seperti Kedidi Timur dan Kedidi Dian Besar yang mencari perlindungan di Teluk Bako-Buntal dan Sejingkat sedang meningkat walaupun jumlah populasi mereka di peringkat dunia adalah menurun. Salah satunya jenis burung bangau yang jarang ditemui di Asia, iaitu Bangau Cina boleh ditemui di Teluk Bako-Buntal dimana jumlah populasi di kawasan tersebut menyokong 1.14% daripada populasi laluan antarabangsa.

“Kami tidak dapat menjelaskan dengan tepat apa yang sebenarnya berlaku namun terdapat kemungkinan bahawa adanya kawasan yang sedang melalui kemerosotan di pesisiran pantai mereka dan oleh itu, burung-burung ini lebih kerap ditemui di Teluk Bako-Buntal dan Sejingkat buat masa ini,” kata Batrisyia.

Katanya, kemungkinan yang lain pula merupakan pengiraan berganda, dengan menambah bahawa lebih banyak kajian harus dilakukan di peringkat tempatan dan antarabangsa untuk menentukan dengan lebih baik lagi tentang populasi burung-burung tersebut, arah aliran penghijrahan, ancaman serta peluang untuk pemuliharaan.

Batrisyia berkata bahawa satu lagi penemuan yang menarik daripada kajian tersebut adalah dilihatnya burung berbendera. Ini bermaksud burung yang ditanda dengan kod berwarna berdasarkan kod negara asal, contohnya burung daripada negara Cina, Rusia, Jepun dan Indonesia telah dilihat di teluk Bako-Buntal.

“Tidak dapat dinafikan bahawa Teluk Bako-Buntal merupakan kawasan berhenti sewaktu musim sejuk yang amat penting bagi kebanyakan spesis burung air, termasuklah yang amat terancam. Pihak MNS dan *BirdLife International* telah mengiktiraf kawasan tersebut sebagai kawasan *Important Bird & Biodiversity Area* (IBA) di Malaysia. Dengan pengiktirafan tersebut, kami amat berharap bahawa lebih banyak kerja pemuliharaan dan sumber boleh ditempatkan di Teluk tersebut untuk mengekalkan ciri-ciri semulajadinya. Kami jugaberharap bahawa IBA ini boleh menghimpunkan pihak pemegang taruh merangkumi komuniti tempatan sehinggalah kerajaan Negeri untuk melindungi warisan semula jadi rakyat Sarawak,” kata Yeap Chin Aik, MNS *Senior Conservation Officer* (MNS *Secretariat*)

Dr. Yong Ding Li daripada pihak *BirdLife*, yang menyumbangkan sokongan teknikal kepada projek tersebut juga mengakui kepentingan Teluk Bako-Buntal di dalam laluan tersebut. “Segala usaha oleh MNSKB telah mengesahkan persoalan kami dimana Teluk Bako-Buntal merupakan salah satu kawasan terpenting di Malaysia dan di seluruh Asia Tenggara untuk burung pantai bermigrasi

Batrisyia berterima kasih kepada kesemua pihak yang telah membimbing dan menyelia beliau, rakan-rakan pemerhati burung di MNS, *BirdLife International*, *Conservation Leadership Programme*, Universiti Malaysia Sarawak, *Sarawak Energy Berhad* dan *Sarawak Forestry Corporation* atas segala sokong mereka dalam menjayakan kajian tersebut.

Awards received:



3G GLOBAL GOOD
GOVERNANCE 2019



THE BRAND LAUREATE
CSR BRAND LEADERSHIP
AWARD 2018



MERDEKA
AWARD
ANUGERAH
MERDEKA
2008



UNEP
GLOBAL 500 AWARD



PARTNERSHIP AWARD
2008

MEMBERS :



Au juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para mantan pengerusi-MNSKB atas semangat serta komitmen mereka untuk mengalakkan pemerhatian burung di kalangan ahli MNS. Kejayaan mereka dalam menjalankan pengiraan tahunan burung pantai kini telah membawa bersama lebih pihak berkepentingan dalam melindungi kawasan pesisiran pantai yang penting bagi pemeliharaan serta pemuliharaan burung-burung tersebut

Tamat.

Gambar (Sila beri kredit bagi semua gambar yang digunakan kepada ahli MNS yang telah dinyatakan)



Mengira burung di teluk Bako-Buntal. Kredit Gambar: © Daniel Kong



Kedidi Dian Besar dalam penerbangan di Teluk Bako-Buntal. Kredit Gambar: © Ng Jia Jie

Awards received:



3G GLOBAL GOOD GOVERNANCE AWARD 2019



THE BRANDLIAISON CSR BRAND LEADERSHIP AWARD 2018



MERDEKA AWARD ANUGERAH MERDEKA 2008



UNEP GLOBAL 500 AWARD



BirdLife INTERNATIONAL PARTNERSHIP AWARD 2008

MEMBERS :





PERSATUAN PENCINTA ALAM MALAYSIA CAWANGAN KUCHING

Malaysian Nature Society Kuching Branch
(Society No. PPM -006-14-17101951-000010)

KUCHING BRANCH



Data yang dikumpul oleh MNS selama beberapa tahun menunjukkan peningkatan dalam jumlah burung pantai, terutamanya spesies yang terancam, Kedidi Timur *Numenius madagascariensis* (EN). Kredit Gambar: © Hans Hazebroek



Bolehkah anda melihat bendera berwarna hitam kuning yang ditulis 'PH' di kaki seekor Kedidi Dian Besar? Bendera tersebut telah dipasang di Kamchatka, Russia dan burung ini kemudiannya terbang ke Sarawak, Malaysia. Kredit Gambar: © Batrisyia Teepol

Awards received:



3G GLOBAL GOOD GOVERNANCE 2019



THE BRANDLUMINATE CSR BRAND LEADERSHIP AWARD 2018



ANUGERAH MERDEKA 2008



UNEP GLOBAL 500 AWARD



PARTNERSHIP AWARD 2008

MEMBERS :





Melihat burung pantai bersebelahan dengan seekor Bangau Cina. Kredit Gambar: © Ng Jia Jie



Batrisyia Teepol merupakan penerima dana khas daripada *Conservation Leadership Programme* dan telah menggunakan dana tersebut untuk memahami kepentingan Teluk Bako-Buntal bagi burung pantai bermigrasi.



Rose Au amat gembira kerana hasil daripada tinjauan tahunan burung bermigrasi yang dilakukan oleh MNSKB telah berjaya diterbitkan dan ianya menunjukkan

Awards received:



3G GLOBAL GOOD
GOVERNANCE 2019



THE BRAND LAUREATE
CSR BRAND LEADERSHIP
AWARD 2018



MERDEKA
AWARD
ANUGERAH
MERDEKA
2008



UNEP
GLOBAL 500 AWARD



PARTNERSHIP AWARD
2008

MEMBERS :





KUCHING BRANCH

PERSATUAN PENCINTA ALAM MALAYSIA CAWANGAN KUCHING

Malaysian Nature Society Kuching Branch
(Society No. PPM -006-14-17101951-000010)



betapa pentingnya perlindungan yang lebih baik disediakan bagi kawasan berehat burung tersebut.



Yeap Chin Aik menyatakan bahawa tidak dapat dinafikan, Teluk Bako-Buntal merupakan kawasan berhenti musim sejuk yang paling penting bagi kebanyakan spesies burung air, dimana terdapat beberapa spesies yang menghadapi ancaman tinggi.



Dr. Yong Ding Li berkata bahawa usaha MNSKB telah mengesahkan persoalan kami dimana teluk Teluk Bako-Buntal merupakan salah satu kawasan terpenting di Malaysia dan di seluruh Asia Tenggara untuk burung pantai bermigrasi

Awards received:



3G GLOBAL GOOD GOVERNANCE 2019



THE BRAND LAUREATE CSR BRAND LEADERSHIP AWARD 2018



ANUGERAH MERDEKA 2008



UNEP GLOBAL 500 AWARD



PARTNERSHIP AWARD 2008

MEMBERS :



¹Tentang MNS Kuching Branch (50-80 patah perkataan)

Malaysian Nature Society Kuching Branch ditubuhkan pada tahun 1969. Aktiviti MNSKB untuk ahlinya termasuklah kajian yang berkaitan dengan alam semulajadi, termasuklah kajian burung seperti burung enggang dan burung pantai serta waka-waka bersama pelajar universiti, aktiviti berjalan dan ceramah berkaitan dengan alam sekitar dan biodiversity, serta aktiviti penanaman pokok. MNS merupakan rakan kongsi bersama *BirdLife International* – perkongsian antarabangsa antara organisasi pemuliharaan, untuk memulihara burung, habitat mereka serta biodiversiti antarabangsa. Terdapat 120 rakan kongsi *BirdLife* diseluruh dunia dengan pihak MNS mewakili negaraMalaysia.

²Tentang Conservation Leadership Programme (CLP)

CLP merupakan rakan kongsi bagi tiga organisasi pemuliharaan biodiversiti yang terkemuka di dunia (*BirdLife International, Fauna & Flora International and Wildlife Conservation Society*). CLP menyediakan dana projek serta latihan pemimpin kerjaya awal daripada negara membangun yang sedang menangani cabaran pemuliharaan.

Awards received:



3G GLOBAL GOOD
GOVERNANCE AWARD
2019



THE BRANDLIAISON
CSR BRAND LEADERSHIP
AWARD 2018



MERDEKA
AWARD
ANUGERAH
MERDEKA
2008



UNEP
GLOBAL 500 AWARD



BirdLife
INTERNATIONAL
PARTNERSHIP AWARD
2008

MEMBERS :

